



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebutharga : MPK/JK 600-13/1/17 (2023) PEMBEKALAN BATU HANCUR (CRUSHER RUN) UNTUK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN BAGI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2023/2024
2	No. Sebutharga : MPK/JK 600-13/1/18 (2023) PEMBEKALAN 'COLD MIX' UNTUK BAHAGIAN JALAN BAGI MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2023/2024

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
BERDAFTAR DENGAN MOF KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN 090101 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	MULAI : 28/2/2023 (SELASA) Penjualan secara Online * Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web https://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.	TARIKH TUTUP : 7/3/2023 (SELASA) JAM : 12.00 TENGAH HARI Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM 150.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara FPX, kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **28 Februari 2023** di laman web <https://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <https://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.
4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di maklumat sebutharga.
5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
7. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
8. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **6 Mac 2023**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.
9. Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi kerja dan lokasi tapak boleh menghubungi Pn. Siti Rohani binti Maseran ditalian **03-3375 5555 (Jabatan Kejuruteraan)**.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG